



PARLIMEN MALAYSIA

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK AZHAR AZIZAN HARUN  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**PELANCARAN PROGRAM FELO PARLIMEN MALAYSIA**

**SABTU, 20 MAC 2021, JAM 10.00 PAGI  
PARLIMEN MALAYSIA  
(Rakaman pada 17 Mac 2021)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Para peserta Program Felo Parlimen Malaysia, Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat dan kurniaNya dapatlah kita berkumpul bersama-sama secara maya di **Majlis Perasmian Program Felo Parlimen Malaysia** yang diadakan buat julung kalinya pada pagi ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Persatuan Pengundi Muda (UNDI18)** kerana menjemput saya untuk merasmikan program yang cukup signifikan kepada golongan belia Malaysia. Saya amat gembira untuk mengetahui bahawa para belia daripada pelbagai latar belakang dari seluruh Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengambil serta dalam program ini dengan satu azam untuk membawa perubahan yang bermakna dalam komuniti mahupun negara. Oleh itu, syabas kepada pihak **UNDI18** dan rakan-rakan penganjurnya iaitu **Liga Rakyat Demokratik** dan **National Democratic Institute (NDI)** kerana bertekad dalam menjayakan penganjuran program murni ini.

**Saudara-saudari yang dihormati sekalian,**

3. **Program Felo Parlimen Malaysia** merupakan satu inisiatif latihan melibatkan 45 Felo yang terpilih untuk membawa perubahan atau pembaikan secara langsung dalam komuniti masing-masing menerusi projek advokasi yang dicadangkan. Jika kita meneliti objektif utama program ini, ia mencerminkan peranan seorang Ahli Parlimen di Malaysia dalam konteks yang lebih kecil.

4. Selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga seorang pengamal undang-undang, saya ingin menekankan pentingnya peranan institusi Parlimen bukan sahaja sebagai lambang nadi demokrasi di Malaysia, tetapi juga keberkesannya terhadap seluruh masyarakat Malaysia dan komuniti-komuniti naungannya. Secara rumusannya, tujuan utama Parlimen sebenarnya merangkumi peranan seorang individu untuk menjalankan tugasnya sebagai rakyat yang menyumbang baktinya kepada orang ramai serta negara. Inilah definisi asas untuk konsep yang kita kenali sebagai perkhidmatan awam – ataupun *public service*.

5. Selain peranan umumnya dalam hal-hal perangkaan dan penggubalan undang-undang, ahli-ahli Dewan Rakyat juga bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan setiap kawasan pilihan raya masing-masing di Malaysia terus dibiayai melalui perwakilan yang setimpal di Parlimen. Ini kerana setiap usaha dan tindakan di Dewan Rakyat akan mempunyai kesan secara langsung kepada setiap rakyat jelata Malaysia.

6. Inilah falsafah yang sewarnya pemacu pelaksanaan tugas dan tanggungjawab setiap ahli Parlimen sebagai petugas awam. Tidak cukup sekadar kita dinaungkan oleh rakyat sebagai wakil Parlimen. Sepatutnya, usaha dan pemikiran utama setiap individu yang terlibat dalam perkhidmatan awam adalah untuk menyumbang bakti kepada rakyat bagi memelihara kebajikan dan kesinambungan hidup mereka. Justeru itu, Parlimen, khususnya Ahli-ahli Parlimen perlu bercita-cita untuk membawa perubahan yang menyeluruh untuk kawasan masing-masing secara langsung.

#### **Saudara-saudari yang dihormati sekalian,**

7. Berdasarkan semangat tanggungjawab dan dedikasi ini, pelancaran **Program Felo Parlimen Malaysia** ini adalah untuk memupuk penglibatan golongan belia dalam aspek perkhidmatan awam secara ketara. Pelaksanaan program ini diharapkan akan mengubah serta membawa impak yang langsung pada tahap akar umbi setiap komuniti di Malaysia. Kepentingan dan nilai peranan para belia dalam mencetuskan proses yang bakal meningkatkan taraf hidup kumpulan masyarakat masing-masing tidak perlu lagi dipertikaikan.

8. Sebagai golongan masyarakat yang bakal mewarisi dan menentukan nasib negara, program-program seperti **Felo Parlimen Malaysia** amat diperlukan bagi membara semangat perkhidmatan awam secara berperingkat. Tambahan itu, bukan sahaja perlunya untuk menanamkan konsep ini dalam pemikiran belia Malaysia, malah pentingnya kita untuk menyediakan platform dan saluran yang sewajarnya agar mereka diberikan peluang untuk melakukan perubahan yang sebenar dalam pembangunan negara. Program seperti ini merupakan peluang yang ideal untuk mencabar para belia bagi mengasah diri sebagai pemimpin sosial dan komuniti sambil mengaplikasikan pengetahuan dan bakat tersebut di peringkat kebangsaan.

9. Tamadun purba Yunani kerap dikatakan sebagai tempat lahirnya demokrasi sedunia. Antara falsafah utama yang mendorong asas konsep awal demokrasi adalah pentingnya seseorang individu menawarkan diri untuk berkhidmat terhadap masyarakat dan bangsa. Manifestasi kemuncak konsep ini diabadikan dengan penglibatan wajib golongan lelaki dalam

hal-hal pentadbiran dan perwakilan di Athens. Bagi saya, kejayaan dan legasi tamadun ini kebanyakannya dipengaruhi semangat dan kesediaan rakyatnya terhadap penglibatan diri dalam perkhidmatan awam. Kini, **program Felo** mampu mencipta semula prinsip tersebut dalam konteks yang moden dan memperkasakan golongan belia Malaysia untuk melangkah sebagai pemimpin yang berwibawa dan serba boleh.

**Saudara-saudari yang dihormati sekalian,**

10. **Program Felo Parlimen Malaysia** membenarkan para belia untuk merealisasikan potensi mereka untuk melakukan perubahan yang diperlukan oleh masyarakat Malaysia. Kebanyakan orang muda mungkin berpendapat bahawa demi berkhidmat untuk masyarakat, banyak cabaran perlu diatasi dan penglibatan itu perlulah dilakukan di peringkat Parlimen sahaja. Salah satu tujuan **Felo Parlimen Malaysia** adalah untuk meringkaskan penglibatan belia dalam mejana perubahan untuk komuniti masing-masing sambil memastikan suara representasi mereka terhadap isu-isu semasa yang relevan diberi perhatian yang sewajarnya.

11. Oleh yang demikian, penganjuran program seperti **Felo Parlimen Malaysia** bukan sahaja demi menggalakkan lebih ramai belia melibatkan diri dalam aspek perkhidmatan awam, tetapi juga untuk memastikan isu-isu semasa yang menggambarkan keperluan dan situasi rakyat yang sebenarnya. Ini kerana jika belialah yang bakal memimpin negara pada masa hadapan, tidak wajarnya kita mengabaikan pendapat mereka sekarang demi perkembangan negara.

12. Walaupun beberapa inisiatif dan program telah pun dilaksanakan dengan tujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam bidang perkhidmatan awam, masih wujudnya jurang dan cabaran yang menghalang pencapaian matlamat ini. Hal ini kerana golongan belia Malaysia semakin khuatir terhadap nilai sebenar mereka dalam melakukan kesan yang efektif kepada masyarakat.

13. Walau bagaimanapun, saya menyeru anak muda Malaysia untuk mengambil iktibar daripada pemimpin komuniti tempatan, khususnya mereka yang memperjuangkan isu-isu yang berkait rapat dengan golongan belia dan telah memainkan peranan yang cukup penting dalam membimbing komuniti biarpun usia mereka sendiri adalah amat muda.

14. Contohnya, **Encik Dzameer Dzulkifli** iaitu pengasas bersama **Teach For Malaysia (TFM)**, sebuah organisasi yang berhasrat untuk menoktahkan ketidaksamaan peluang pendidikan di Malaysia. Melalui pihak penganjur, saya mempelajari bahawa Encik Dzameer menjadi pengasas kepada organisasi tersebut walaupun hanya berumur 24 tahun. Bukan itu sahaja, saya juga mendapat peluang untuk mendapat tahu pemimpin-pemimpin muda yang lain seperti **Cik Heidy Quah** selaku aktivis hak asasi manusia yang aktif dalam perjuangan hak bagi golongan pelarian (*refugees*) di Malaysia menerusi inisiatif **Refuge for the Refugees (RFTR)**, serta **Encik Kuhan Pathy**, iaitu seorang usahawan yang bergiat dalam usaha pemerksaan belia-belia berisiko menerusi perusahaannya iaitu **Masala Wheels** yang juga membekalkan makanan masakan India kepada masyarakat awam dengan harga yang berpatutan.

15. Sudah terang lagi bersuluh bahawa golongan anak muda memang mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi pelopor perubahan dalam komuniti masing-masing. Cabaran saya kepada para belia Malaysia adalah untuk mengaktifkan pemimpin muda yang terpendam dalam diri masing-masing dan ukirkan nama anda demi bangsa dan negara.

**Saudara-saudari yang dihormati sekalian,**

16. Di samping usaha murni oleh pemimpin sosial, Parlimen Malaysia juga telah menyokong dan membantu memajukan pelbagai inisiatif yang memberi platform kepada anak muda kita untuk melontarkan buah fikiran mereka dan pada masa yang sama meningkatkan literasi perundangan belia menerusi program-program seperti **Parlimen Belia Malaysia** dan **Parlimen Debathon 2019**. Program lain yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) seperti **Felo Perdana** dan **Felo Korporat** juga merupakan antara langkah yang mulia dalam memperkembangkan representasi belia secara amnya di Malaysia. Sebagai salah satu watak di Parlimen, saya berhasrat agar usaha-usaha seperti ini dapat diteruskan supaya masa hadapan Malaysia dapat dipelihara secara menyeluruh.

17. Kita perlu sedar bahawa para belialah golongan yang bakal menentukan masa hadapan negara kita. Merekalah yang akan mewarisi tampuk pemerintahan negara ini dan menjadi *gudwah hasanah* (contoh teladan terbaik) kepada generasi yang akan datang. Kita seharusnya membimbing golongan ini dan memberi sokongan yang padu dan konsisten supaya para belia akan terus bersemangat untuk berusaha memajukan negara lebih daripada anggaran kita. Kepada peserta-peserta program ini, saya menggalakkan anda untuk menjadi pemangkin dalam membawakan perubahan kepada komuniti mahupun negara demi ke arah zaman kegemilangan Malaysia. Saya yakin bahawa anda mampu menyebarkan kesedaran perkhidmatan awam dengan efektif menerusi kebolehan digital dan kreativiti masing-masing yang boleh diaplikasikan secara langsung dalam perangkaan solusi dan polisi yang mujarab terhadap cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat tempatan.

18. Saya optimistik bahawa sebahagian daripada anda akan bercadang cara yang begitu kreatif dan unik dalam pelaksanaan projek advokasi di komuniti tempatan. Saya harap bahawa anda semua dapat mengekalkan fikiran yang terbuka dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencapai matlamat projek masing-masing dan pada yang sama membina semangat komuniti yang mendalam sepanjang perjalanan program ini.

19. Jika anda memerlukan sebarang bimbingan atau bantuan, anda boleh merujuk pada pihak penganjur dan juga barisan mentor, penceramah dan pemudahcara yang akan berkhidmat untuk kemudahan anda sepanjang tempoh pelaksanaan program ini.

**Saudara-saudari yang dihormati sekalian,**

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi ucapan tahniah diajukan kepada pihak **UNDI18** di bawah kepimpinan Encik Tharmelinggem Pillai selaku Pengasas Bersama dan Pengarah Advokasi bersama rakan-rakan penganjurnya iaitu **Liga Rakyat Demoratik** dan **National Democratic Institute (NDI)** kerana berjaya mengadakan program yang sungguh

hebat dan bermanfaat ini. Syabas dan tahniah! Secara peribadi, saya akan sentiasa menyokong penuh program-program yang mampu memberi impak terhadap pembangunan kaum belia di Malaysia seperti **Program Felo Parlimen Malaysia**.

21. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Felo Parlimen Malaysia Bagi Tahun 2021**.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.